



## **SIARAN AKHBAR**

**30 September 2019**

### **ASNB Gesa Pelabur Kemas Kini Butiran Peribadi Untuk Nikmati Kemudahan Dalam Talian myASNB**

**SUNGAI PETANI** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat unit amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) menggesa pelaburnya untuk segera mengemas kini butiran peribadi mereka di mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB.

Gesaan ini dibuat berikutan masih ramai pelabur syarikat unit amanah terbesar itu yang masih belum mengemaskini butiran mereka, sekaligus menyebabkan mereka tidak dapat menikmati perkhidmatan bernilai tambah secara dalam talian yang dibangunkan khas untuk mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad Hussin berkata, “ASNB menawarkan kemudahan pelaburan dalam talian menerusi portal myASNB secara percuma termasuklah untuk pelaburan tambahan dan perkhidmatan pelaburan bulanan automatik, Auto Labur. Jika menggunakan portal perbankan lain, pelabur dikenakan caj perkhidmatan, tetapi jika menggunakan myASNB, ia adalah percuma sahaja. Sebab itulah kami mahu semua pelabur ASNB menggunakan kemudahan ini,” katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, Mohammad berkata “Gesaan itu juga bertujuan membolehkan ASNB mengemaskini pangkalan data pelabur yang sudah berusia lebih dua dekad. Dengan pangkalan data yang dikemaskini, ASNB boleh membina profil pelabur yang lebih tepat, seterusnya menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada mereka terutamanya dari segi kemudahan digital,” katanya sempena pelancaran program ‘Kemaskini Butiran Anda Segera 2019 (Kembara PNB 2019)’.

Program Kembara PNB telah dilancarkan di Menara PNB pada 18 September lalu, disasarkan untuk menarik pelabur mengemaskini butiran peribadi mereka di mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB menerusi beberapa kempen dan peraduan yang dilancarkan sejak 18 September lalu.

Kembara terdiri daripada 2 komponen utama iaitu kempen untuk Ejen dan pelabur yang menawarkan hadiah serta insentif menarik dan Skuad Kembara yang akan menjelajah ke seluruh negara dan singgah ke lebih 2,000 Ejen ASNB diseluruh negara untuk menguar-uarkan mengenai kempen dan peraduan yang ditawarkan menerusi program ini.

Ejen ASNB terdiri daripada cawangan Maybank, Maybank Islamic, CIMB Bank, CIMB Islamic, RHB Bank, RHB Islamic Bank, Alliance Bank, Ambank, Ambank Islamic, Bank Simpanan Nasional (BSN), Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Hong Leong Islamic Bank dan Pos Malaysia yang mempunyai gabungan lebih 2,000 cawangan di seluruh negara.

Mohammad berkata, “kerjasama rapat dengan Ejen ASNB amat penting kerana mereka merupakan *‘touch point’* terbesar antara ASNB dengan pelabur. Ejen ASNB memainkan peranan penting dalam program Kembara ini kerana mereka adalah pemudah cara untuk pelabur ASNB mengemas kini butiran peribadi mereka,” katanya.

ASNB ketika ini menguruskan 14 unit amanah termasuklah Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang mempunyai kira-kira 9 juta pelabur.

Untuk menggunakan portal myASNB, pelabur perlu terlebih dahulu mengemaskini nombor telefon mereka di mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB sebelum mendaftar di [www.myASNB.com.my](http://www.myASNB.com.my).

Antara kemudahan yang ditawarkan myASNB yang kini juga boleh diakses menerusi aplikasi telefon adalah seperti pelaburan tambahan untuk pelabur dan pelabur bawah 18 tahun yang mana pelabur adalah penjaga yang didaftarkan ketika membuka akaun, kemudahan pelaburan bulanan automatik serendah RM30 menerusi Auto Labur, pembukaan akaun baharu dan semakan baki pelaburan terkini serta muat turun penyata urus niaga.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**